

Keterserlahan Ceramah Syamsul Debat Menerusi Penggunaan Aspek Bukan Prosa: Satu Analisis Morfologi

The Prominence of Syamsul Debat's Through The Use of Non-Prose Aspects: A Morphological Analysis

Anis Nadzirah Nasir
¹Harishon Radzi

Program Linguistik
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹naslin@ukm.edu.my

ABSTRAK

Aspek penggunaan bukan prosa telah menjadi medium hiburan, jenaka dan pengajaran dalam sesuatu ceramah kerana bahasa-bahasa yang indah di dalamnya membuatkan pendengar dapat menerima sesuatu mesej dengan baik. Kajian ini difokuskan kepada Keterserlahan Ceramah Syamsul Debat Menerusi Penggunaan Aspek Bukan Prosa : Satu Analisis Morfologi. Objektif kajian ini adalah untuk mengkategorikan aspek bukan prosa, menghuraikan aspek bukan prosa yang terdapat dalam ceramah oleh Syamsul Debat, dan menganalisis aspek bukan prosa dalam ceramah Syamsul Debat berdasarkan struktural. Sebanyak 17 video yang mempunyai 59 aspek bukan prosa melalui ceramah Syamsul Debat di Facebook, Tiktok dan Youtube digunakan bagi mendapatkan hasil kajian secara menyeluruh. Langkah-langkah yang dilakukan adalah mencari, meneliti dan mendengar ceramah Syamsul Debat yang ada di media sosial dengan mengambil jenis hantaran video berkaitan Syamsul Debat yang mengandungi aspek bukan prosa. Video-video tersebut terdiri daripada video suntingan yang memfokuskan kepada aspek bukan prosa beliau dan rakaman siaran langsung kuliah beliau. Berdasarkan hasil kajian, terdapat aspek bukan prosa seperti pantun, puisi, kiasan, dan lagu yang digunakan dalam ceramah Syamsul Debat menerusi media sosial. Kebanyakan aspek bukan prosa ini mempunyai tema tersendiri iaitu adab berguru, adab bekerja, keluarga, agama, rumahtangga, pembuka dan penutup bicara, dan kehidupan. Video-video ceramah yang digunakan berdurasi kurang daripada dua jam. Terdapat aspek bukan prosa yang sering digunakan oleh masyarakat sehingga kini tetapi diselitkan juga dalam ceramah beliau bagi memudahkan pendengar menghayati, mengingat dan mudah memahami aspek bukan prosa yang sering digunakan itu. Aspek bukan prosa ini mempunyai keistimewaannya dalam menyampaikan emosi, perasaan, hiburan dan nasihat dalam sesuatu ceramah bagi menarik perhatian pendengar dan menghilangkan rasa bosan.

Kata kunci : *Aspek bukan prosa, ceramah, media sosial, keterserlahan, Syamsul Debat*

ABSTRACT

The usage of non-prose aspect has become a medium of entertainment, humor and teaching in a lecture because the beautiful languages in it make the listener able to receive a message well. This study is focused on The Prominence of Syamsul Debat's Talks Through The Use of Non-Prose Aspects: A Morphological Analysis. The objective of this study is to categorize aspects of non-prose, describe the aspects of non-prose found in Syamsul Debat's lectures, and analyze the non-prose aspects of Syamsul Debat's lectures based on structure. A total of 17 videos that have 59 aspects of non-prose through Syamsul Debat's lectures on Facebook, Tiktok and Youtube were used to obtain comprehensive research results. The steps taken are searching, researching and listening to Syamsul Debate talks on social media by taking video submissions related to Syamsul Debate that contain non-prose aspects. The videos consist of edited videos focusing on his non-prose aspects and live recordings of his lectures. Based on the results of the study, there are aspects of non-prose such as poems, poems, metaphors, and songs that are used in Syamsul Debat's lectures through social media. Most of these non-prose aspects have their own themes such as school etiquette, work etiquette, family, religion, household, opening and closing speech, and life. The lecture videos used are less than two hours long. There are aspects of non-prose that are often used by the community until now but are also inserted in his lectures to make it easier for listeners to appreciate, remember and easily understand the aspects of non-prose that are often used. The non-prose aspect has its specialty in conveying emotions, feelings, entertainment and advice in a talk to attract the listener's attention and relieve boredom.

Keywords : *Aspects of non-prose, lectures, social media, prominence, Syamsul Debat*

1. Pengenalan

Aspek bukan prosa mempunyai pelbagai makna dan fungsi dalam penggunaannya. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia dilahirkan dengan kemampuan minda, interaksi antara manusia dan alam sekitar dan disempurnakan dengan emosi atau perasaan. Kemampuan minda dapat menghasilkan daya kreativiti dan pemikiran orang-orang Melayu yang mantap dalam mengungkapkan pantun, puisi, kiasan dan lagu yang baik. Nilai yang terdapat pada aspek bukan prosa ini dilakukan dengan mengukur keindahan bahasanya dan pemilihan unsur seni kata.

Selain itu, aspek bukan prosa yang digunakan dapat menyampaikan gambaran mengenai luahan sesuatu perasaan, tujuan dan emosi. Sebagai contoh, pantun sering digunakan dalam majlis-majlis formal untuk membuka bicara dan penutup bicara. Puisi pula terkenal dengan keindahan bahasa dalam mengungkapkan sesuatu perkara. Penghasilan kiasan dan lagu mempunyai mesej dan makna tersirat untuk disampaikan kepada pendengar. Menurut Abdul Karim (1980) dalam kajian Norida Berhan (2012), pendengar menginginkan penceramah yang pandai menarik minat mereka untuk mendengar ceramah.

Pemilihan kata yang berkesan dan digunakan secara berulang-ulang dapat mempengaruhi minda dan jiwa manusia. Kehalusan makna dalam aspek bukan prosa menyebabkan ramai penceramah tertarik untuk menggunakannya dalam ceramah mereka. Salah seorang penceramah tersebut adalah Syamsul Debat iaitu penceramah yang sangat terkenal dengan celoteh, jenaka, penggunaan dialek Negeri Sembilan dan aspek bukan prosa seperti pantun, puisi, kiasan, dan lagu dalam siri ceramahnya.

Objektif kajian ini adalah untuk mengkategorikan aspek bukan prosa, menghuraikan aspek bukan prosa yang terdapat dalam ceramah oleh Syamsul Debat, dan menganalisis aspek bukan prosa dalam ceramah Syamsul Debat berdasarkan struktural.

0. Tinjauan Literatur

Pada bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan mengenai kosa ilmu yang telah digunakan bagi membantu menjana idea. Pengkaji banyak menggunakan kosa ilmu daripada pengkaji tempatan kerana tajuk kajian ini dilakukan di Malaysia.

2.1 Ceramah

Kajian terhadap “*Pengaplikasian Teori Retorik Moden dalam Penyampaian Ceramah Kazim Elias*” oleh Dewi Hj Samri (2022) telah mengenal pasti jenis retorik dan meneliti fungsi dan peranan bagi setiap jenis retorik yang digunakan oleh Ustaz Kazim Elias.. Kajian ini memilih Teori Retorik Moden yang diasaskan oleh Enos dan Brown (1993) sebagai landasan kajian. Kaedah kajian ini adalah kaedah kualitatif. Data kajian dipilih berdasarkan satu video ceramah Ustaz Kazim Elias. Video tersebut dimuat turun dan pengkaji telah melakukan transkripsi sepenuhnya. Data kajian adalah meliputi retorik pendedahan, retorik penghujahan, retorik penerangan, retorik penceritaan, dan retorik pemujukan. Kesimpulannya, jenis-jenis retorik ini dapat dikenali melalui penanda tertentu iaitu penggunaan kata pemerai, kata penegas, kata sifat, kata perintah, kata penguat, bahasa figuratif (simile dan metafora) dan ayat-ayat al-Quran. Rumusan kajian ini mendapati bahawa retorik penceritaan adalah teknik utama dalam penyampaian ceramah Kazim Elias.

2.2 Syamsul Debat

Kajian oleh Nuredayu Omar, Zauridah Abdul Hamid, Zuraisah Abu Talib dan Salina Ismail (2020) dalam jurnal “*Kredibiliti dan Daya Tarikan Daie dalam Meningkatkan Kesedaran Akhlak Pelajar: Youtube sebagai Satu Medium*” mempunyai sedikit perkaitan dengan Syamsul Debat. Mereka yang bergelar sebagai daie dikatakan mempunyai kredibiliti dalam komunikasi. Penggunaan Youtube sebagai medium penyampaian dakwah juga dapat meningkatkan tahap kesedaran akhlak para pelajar. Oleh hal yang demikian, timbul persoalan dalam kalangan pengkaji menerusi aspek kredibiliti dan daya tarikan Daie dalam meningkatkan akhlak pelajar universiti. Kajian ini telah dijalankan terhadap 351 pelajar daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Model TEARS oleh Shimp (2000) digunakan sebagai instrumen kredibiliti dan daya tarikan dan instrumen akhlak pula diubah suai daripada Prihatini, Mardapi, dan Sutrisno (2013) bagi mengukur akhlak pelajar universiti dari aspek akhlak kepada Allah dan Nabi, akhlak kepada diri dan lingkungan, dan akhlak kepada alam sekitar. Kajian ini dilakukan bagi memenuhi objektif kajian iaitu mengenal pasti hubungan antara kredibiliti Daie dan hubungan antara daya tarikan Daie yang menggunakan medium YouTube dengan peningkatan kesedaran akhlak para pelajar di Universiti Utara Malaysia. Kesimpulannya, seseorang Daie YouTube yang berkredibiliti dan mempunyai daya tarikan adalah ciri pendakwah yang dapat meningkatkan kecenderungan generasi muda untuk mendapatkan ilmu-ilmu bermanfaat berkaitan agama dan mampu mendorong generasi muda khususnya pelajar universiti untuk lebih berusaha dalam meningkatkan akhlak mereka.

2.3 Bukan Prosa

Menurut Zahir Ahmad (2005) dalam *“Pantun Melayu sebagai Manifestasi Sosiobudaya dan Pensejarahan Melayu”*, kajian ini dijalankan untuk melihat aspek pensejarahan dalam pantun Melayu. Antara unsur-unsur sejarah tersebut adalah seperti nama-nama tokoh, nama-nama tempat, adat resam, budaya, dan peristiwa yang berlaku. Negeri Kedah dan Perlis menjadi tumpuan pengkaji. Pengkaji telah menggunakan buku *Kurik Kundi Merah Saga* (1990) dan *Puisi Melayu Tradisional* (Harun Mat Piah, 1989) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai bahan kajian. Pemantun sering memilih nama-nama tempat sebagai pembayang. Kebanyakan pemantun menggunakan nama-nama tempat yang biasa dikunjungi, dilihat dan diketahuinya. Sebagai contoh, data kajian dalam jadual 4 di bawah menunjukkan penggunaan nama-nama tempat di Kedah dan Perlis sebagai pembayang maksud. Kesimpulannya, penggunaan nama tempat sebagai pembayang dalam pantun tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya. Faktor kewajaran dan keperluan rima perlu dititikberatkan. Oleh hal yang demikian, pantun yang berikut mempunyai nilai-nilai sejarahnya dan boleh dirujuk dan dibuktikan kebenarannya. Melalui pantun juga, cara hidup dan cara bermasyarakat di sesebuah kawasan tertentu dapat diketahui.

Kajian oleh Fatimah Abdullah (2009) dalam *“Pantun sebagai Perakam Norma: Penelitian Awal Terhadap Perkahwinan Dan Keluarga Melayu”* adalah untuk meninjau tentang pantun yang bersifat normatif dalam perkahwinan dan kekeluargaan Melayu. Selain itu, kajian ini turut menjelaskan tentang bagaimana pantun ini berfungsi sebagai peraturan dalam masyarakat Melayu. Pantun-pantun yang digunakan merupakan pengalaman penulis secara langsung dalam kehidupan masyarakat. Terdapat pantun yang telah diterbitkan oleh banyak pihak. Namun begitu, pantun-pantun dalam kajian ini sering digunakan dalam kalangan masyarakat kini. Kesimpulannya, pantun Melayu dapat menunjukkan pelbagai aspek kehidupan sosial secara tulus. Hal ini kerana pantun Melayu menunjukkan nilai, norma, falsafah serta bentuk, struktur, isi kandungan, dan perubahan-perubahan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Kajian oleh Hamsiah binti Juki (2017) dalam *“Kesantunan Pantun Melayu Sarawak (The Politeness Words of Sarawak Malay’s Pantun)”* telah mengenal pasti bentuk pantun Melayu Sarawak dan membincangkan unsur kesantunan pantun tersebut. Selain itu, kajian ini merumuskan kesantunan pantun Melayu Sarawak dari segi makna asal dan maksud kiasan. Kajian ini telah menganalisis 35 rangkap pantun yang dijalankan di Kampung Seجالe. Kajian ini dijalankan bagi melihat perbezaan makna asal dengan makna tersirat dengan menggunakan analisis komponen makna serta melihat kaitan konteks bahasa yang digunakan dalam pantun menggunakan teori relevans. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan dan kaedah penyelidikan kualitatif untuk mendapatkan data kajian iaitu pantun Melayu Sarawak dari penduduk Kampung Sejalie. Kesimpulannya, pantun Melayu Sarawak mempunyai bentuk yang tidak tersusun dalam pemilihan bilangan perkataan dalam baris dan mempunyai rima yang tidak sama. Unsur kesantunan yang terdapat dalam pantun Melayu Sarawak mengutamakan budi bahasa. Pantun Melayu Sarawak mempunyai keunikannya yang tersendiri.

Kajian terhadap *“Nilai-Nilai Islam dalam Pantun Melayu: Analisis Pantun Utara dalam Buku Kurik Kundi Merah Saga”* oleh Mohd Fairus bin Abd Majid (2017) telah meneliti dan menganalisis pantun-pantun tersebut berkaitan aspek kepercayaan, amalan dan tatasusila. Selain itu kajian ini mengkategorikan pantun-pantun tersebut berdasarkan nilai-nilai Islam. Selain itu, kajian ini memfokuskan sebanyak 714 rangkap pantun Melayu Utara (pantun 2292 hingga 3005 : Perlis, Kedah dan Perak) di dalam buku Kurik Kundi Merah Saga

(KKMS). Buku ini adalah hasil terbitan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia (1990). Di samping itu, kajian ini menggunakan penyelidikan secara kualitatif. Antara metodologi yang digunakan bagi melengkapkan kajian ini adalah kajian kepustakaan, kaedah dokumentasi, dan kaedah analisis kandungan. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa aspek makna dan pemikiran amat penting bagi melihat penguasaan gaya berfikir mengikut jenis makna yang terhasil. Kekuatan lirik lagu juga bergantung kepada kedua-dua aspek ini untuk menentukan lagu-lagu ini kekal dalam industri muzik. Penghasilan lirik lagu dapat dikaitkan dengan bahasa kerana gubahan idea yang kreatif menunjukkan pemikiran penulis yang telah diterjemahkan ke dalam bentuk lagu.

2.4 *Morfologi*

Menurut Zurina Abdullah, Farah Nur-Rashidah Rosnan dan Ahmad Nazeer Zainal Ariffin (2017) dalam "*Analisis Morfologi dalam Syair Perahu*", kajian ini dijalankan untuk menganalisis aspek morfologi yang terdapat dalam penulisan syair "*Perahu*" karya Hamzah Fansuri dan membuktikan ketokohan Hamzah Fansuri sebagai cendekiawan bahasa Melayu pada abad ke-16. Beliau membincangkan mengenai karya Syair Perahu oleh Hamzah Fansuri iaitu seorang ulama tasawuf dari Aceh, Indonesia. Pendekatan struktural digunakan untuk melihat aspek morfologi secara deskriptif yang meliputi bentuk kata, golongan kata dan struktur kata. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat banyak penggunaan struktur kata, bentuk kata, dan ketokohan Hamzah Fansuri dalam ilmu kesusasteraan dan bahasa Melayu. Kesimpulannya, penggunaan bahasa yang digunakan oleh Hamzah Fansuri menggunakan bentuk bahasa Melayu seperti hari ini. Syair Perahu ini telah ditulis sekitar abad ke-16 tetapi beliau bahasa yang digunakan boleh dikelaskan dalam kategori bahasa Melayu moden. Selain itu, hasil analisis menunjukkan bahawa Hamzah Fansuri telah menggunakan keseluruhan aspek morfologi seperti struktur dan bentuk kata dalam Syair Perahu.

0. **Metodologi dan Kawasan Kajian**

Bab ini akan menjelaskan mengenai metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji seperti kaedah kepustakaan, sumber internet, kaedah pengumpulan data, kaedah pemrosesan data, kaedah analisis data dan kerangka teoritikal kajian.

3.1 *Tata Cara Pengumpulan Data*

Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji adalah dengan mendengar dan mentranskripsikan kepada tulisan. Hal ini dikatakan demikian kerana data yang digunakan adalah dalam bentuk lisan iaitu video. Antara langkah-langkah yang dilakukan adalah mencari, meneliti dan mendengar ceramah Syamsul Debat yang ada di media sosial Facebook, Youtube dan Tiktok. Pengkaji mendapatkan data kajian daripada sumber laman media sosial seperti Facebook, Youtube dan Tiktok dengan mengambil jenis hantaran video yang berkaitan Syamsul Debat. Data yang diambil terdiri daripada video suntingan yang memfokuskan kepada pantun beliau dan rakaman siaran langsung kuliah beliau.

Menerusi video-video tersebut, pengkaji akan mendengar ceramah-ceramah yang terdiri daripada pelbagai tajuk untuk menganalisis aspek bukan prosa yang digunakan oleh Syamsul Debat. Pengkaji telah memastikan data yang diperolehi tepat seperti yang diujarkan oleh beliau dengan mendengar semula ceramah berulang kali. Aspek bukan prosa yang diujarkan oleh beliau akan dicatat bersama tajuk, pautan, durasi bukan prosa diujarkan, nama penyiar atau penyunting, dan tarikh.

3.2 Analisis Data

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam menganalisis data. Hal ini kerana pengkaji melakukan penelitian terhadap aspek bukan prosa. Pemilihan kaedah kualitatif ini dipilih atas beberapa sebab. Proses menghuraikan aspek bukan prosa yang terdapat dalam ceramah Syamsul Debat dan proses menganalisis aspek bukan prosa dalam ceramah Syamsul Debat berdasarkan struktural merupakan proses yang kompleks. Hal ini memerlukan huraian dan penerangan yang menyeluruh dan terperinci.

Melalui kaedah ini, hasil bagi sesuatu kajian akan diperoleh. Kaedah ini memerlukan pengkaji mempersembahkan data kajian yang diperoleh. Data-data tersebut perlu dipersembahkan dalam bentuk yang lebih bermakna. Oleh hal yang demikian, pengkaji perlu menunjukkan cara data tersebut akan dipersembahkan untuk menunjukkan bahawa pengkaji telah melakukan analisis data secara sistematik dan tersusun. Pengkaji telah menganalisis data ke dalam bentuk jadual untuk memudahkan transkripsi dilakukan. Selepas proses transkripsi, pengkaji akan meneliti sehingga permasalahan kajian, objektif, persoalan kajian dan dapatan kajian dapat dirumuskan mengikut kesesuaian data. Hasil bagi analisis data ini akan ditunjukkan dalam bentuk jadual mengikut pengkategorian aspek bukan prosa dan huraian lengkap.

3.3 Kawasan Kajian

Kajian ini dijalankan di dalam media sosial iaitu Facebook, Tiktok, dan Youtube. Sampel kajian ini terdiri daripada hantaran video sama ada laman peribadi Syamsul Debat, laman sosial dan video yang telah disunting oleh pengguna media sosial. Pengkaji telah memilih rakaman ceramah Syamsul Debat seperti “Kuliah Dhuha” dan “Kuliah Ilmu” yang mempunyai banyak siri dengan mengupaskan pelbagai tajuk dalam laman sosial Facebook. Hal ini menunjukkan ceramah Syamsul Debat dalam media sosial dipilih sebagai tajuk kajian kerana mempunyai nilai dari aspek bukan prosa.

Pengkaji mengikuti rakaman ulangan siaran langsung setiap hari di Facebook, suntingan video pantun Syamsul Debat di Tiktok dan Youtube pada bulan Januari 2023 hingga awal bulan Februari. Pengkaji mengambil data dengan mengutip sebanyak 17 video yang mempunyai 59 aspek bukan prosa melalui ceramah Syamsul Debat di Facebook, Tiktok dan Youtube bagi mendapatkan hasil kajian secara menyeluruh berdasarkan aspek bukan prosa tersebut.

4. Dapatan dan Perbincangan

Bab ini akan membincangkan mengenai kategori aspek bukan prosa yang terdapat dalam ceramah Syamsul Debat di media sosial. Bahagian dapatan ini akan memaparkan pengkategorian bagi penggunaan aspek bukan prosa iaitu pantun, puisi, kiasan, dan lagu. Dapatan kajian ini juga menghuraikan dan menganalisis aspek bukan prosa berdasarkan struktural.

4.1 *Pengkategorian Aspek Bukan Prosa*

Dalam mengkategorikan aspek bukan prosa dalam ceramah Syamsul Debat ini, pengkaji memaparkan senarai pantun, puisi, kiasan, dan lagu yang digunakan oleh beliau dalam menyampaikan ceramah. Secara umumnya, beliau banyak menggunakan pantun dalam isi kandungan ceramahnya.

4.1.1 *Pantun*

Menurut Noriah Taslim (2003) dalam Siti Hajar Che Man (2013), pantun merupakan konteks budaya tradisional yang dicipta berdasarkan kepentingan terhadap kesopanan berbahasa dan ketertiban berkomunikasi. Hal ini dikatakan demikian kerana pantun sering digunakan untuk memujuk khalayak, menambat jiwa, dan memberi kesan dalam jiwa. Berikut merupakan pantun yang digunakan oleh Syamsul Debat.

*Hijau menguning padi di sawah,
Tunduk berisi bagai nak rebah,
Pendirian kukuh tidak goyah,
Menghadap cabaran tidak gelabah*

*Kuala Lipis di negeri Pahang,
Jauhlah dari Tasik Bera,
Jangan ditakuti jantannya orang,
Hidup mati di tangan Yang Esa.*

*Duduk jebat bersila panggung,
Satria pembela paling terulung,
Karam di laut jadi pelampung,
Lumpuh di darat jadi pendukung.*

*Makan sireh berulas pinang,
Pinang berasal dari Jertih,
Meskipun hanya sehalus benang,
Tetap dijelaskan kemana dialih.*

*Cantik teluk pantainya landai,
Tambat perahu tepi kuala,
Biarlah buruk kain yang dipakai,*

Asalkan penuh ilmu di dada.

Berdasarkan pantun-pantun di atas, terdapat sebanyak 14 rangkap pantun yang dipilih oleh pengkaji. Semua pantun-pantun ini berbentuk pantun empat kerat. Kebanyakan pantun-pantun ini mempunyai 4-5 suku kata dalam satu baris. Pantun-pantun ini dipilih dalam video-video ceramah Syamsul Debat yang digunakan oleh beliau semasa ceramah berlangsung.

4.1.2 Puisi

Menurut Za'ba (1965) dalam Alias Md. Zain (2000), puisi adalah karangan yang berangkap. Menurut Nurazmi Kuntum (1991) dalam Alias Md. Zain (2000) lagi, puisi adalah kata pinjaman daripada bahasa Indonesia yang membawa maksud karangan berangkap dengan mementingkan persajakan, irama, suku kata dan pilihan kata-kata. Berikut merupakan puisi yang digunakan oleh Syamsul Debat.

*Sebaik-baik rumah orang Islam,
Adalah orang yang membela anak yatim dengan baik,
Seburuk-buruk rumah orang Islam,
Adalah orang yang menyeksa anak yatim.*

Berdasarkan puisi di atas, terdapat satu puisi yang dipilih oleh pengkaji. Puisi ini dipilih dalam video-video ceramah Syamsul Debat yang digunakan oleh beliau semasa ceramah berlangsung. Puisi ini digunakan dalam video lawak spontan beliau bersama artis Malaysia dalam sebuah rancangan.

4.1.3 Kiasan

Menurut Za'ba (2000) dalam Wong Shia Ho dan Nor Hashimah Jalaluddin (2019), kiasan merupakan salah satu cara yang digunakan bagi menyampaikan sesuatu perkara dengan mengiaskannya kepada perkara lain. Berikut merupakan kiasan yang digunakan oleh Syamsul Debat.

“Perubatan makin canggih, penyakit semakin banyak.”

“Pendapatan makin meningkat, ketenteraman jiwa semakin kurang.”

“Kualiti ilmu semakin tinggi, kualiti emosi semakin kurang.”

“Pengetahuan semakin bagus, kearifan semakin berkurangan.”

“Semakin banyak teman di dunia maya tetapi teman sejati makin takda.”

Berdasarkan kiasan di atas, terdapat sebanyak enam kiasan yang dipilih oleh pengkaji. Semua kiasan ini dipilih dalam video-video ceramah Syamsul Debat yang digunakan oleh beliau semasa ceramah berlangsung. Kiasan-kiasan ini diucapkan oleh beliau dalam satu siri ceramah sahaja.

4.1.4 Lagu

Menurut Hartini & Normaliza (2017) dalam Wong Shia Ho dan Nor Hashimah Jalaluddin (2019), sesebuah karya atau lagu yang dihasilkan perlu mengambil kira pemilihan kata dalam lirik mengikut peringkat umur agar dapat mempengaruhi pembaca. Oleh hal yang demikian, menurut Amir Husairi (2006) dalam Wong Shia Ho dan Nor Hashimah Jalaluddin (2019) lagi, terdapat penciptaan lirik lagu yang bebas dan menuntut kebijaksanaan daripada penerima untuk mentafsirkan dan memahami lirik atau mesej yang ingin disampaikan. Berikut merupakan lagu yang digunakan oleh Syamsul Debat.

*Melepaskan mu,
Bukan mudah bagi ku untuk melalui semua ini...*

*Indah sungguh panorama,
Bagai bulan nirwana...*

Berdasarkan lagu di atas, terdapat sebanyak dua lirik lagu yang dipilih oleh pengkaji. Semua lagu-ini ini dipilih dalam video-video ceramah Syamsul Debat yang digunakan oleh beliau semasa ceramah berlangsung. Lagu-lagu ini digunakan oleh beliau dalam ceramahnya bagi menghiburkan penonton supaya tidak bosan.

4.2 Penganalisan Aspek Bukan Prosa

Dalam menganalisis aspek bukan prosa dalam ceramah Syamsul Debat ini, pengkaji memaparkan huraian berdasarkan pantun, puisi, kiasan, dan lagu yang digunakan oleh beliau dalam menyampaikan ceramah. Secara umumnya, beliau banyak menggunakan aspek-aspek bukan prosa ini mengikut tajuk ceramahnya.

4.2.1 Pantun

Pantun-pantun ini dipilih secara rawak daripada senarai transkripsi pantun yang dilakukan oleh pengkaji.

Pantun 1:

*Pokok sekayu daun selasih,
Thank you terima kasih.*

Berdasarkan Pantun 1 di atas, pantun ini menunjukkan tema pantun mengenai ucapan terima kasih. Ceramah ini mempunyai durasi sepanjang 1:05:02.

Pantun ini merupakan pantun dua kerat kerana mempunyai dua baris sahaja. Setiap baris mempunyai 4 suku kata sahaja. Ayat “thank you terima kasih” dapat menunjukkan dengan jelas bahawa penutur mengucapkan terima kasih kepada penonton.

Beliau menggunakan pantun dua kerat ini untuk mengucapkan terima kasih kepada seseorang ketika ceramah berlangsung untuk memberi penghargaan.

Pantun 2 :

*Sepandai-pandai tupai melompat,
Akhirnya jatuh ke tanah jua,
Walaupun perkongsian sudah tamat,
Mudah-mudahan meresap ke dalam jiwa.*

Berdasarkan pantun 2 di atas, pantun ini untuk menunjukkan tema mengenai ucapan penutup bicara. Ceramah ini mempunyai durasi sepanjang 02:44 di TikTok. Pantun ini sering digunakan dalam kalangan masyarakat tetapi penutur mengubah maksud pantun ini bersesuaian dengan pembayangnya.

Bentuk pantun 2 ini dapat dihuraikan dengan jumlah baris iaitu empat baris dalam satu rangkap. Dua baris pertama dalam pantun ini merupakan pembayang manakala dua baris berikutnya adalah maksud. Setiap baris mempunyai 3-5 suku kata sahaja. Rima pantun yang digunakan iaitu pengulangan bunyi yang sama pada akhir baris adalah a,b,a,b.

Selain itu, pantun ini membawa maksud bahawa perkongsian ceramah ini sudah tamat. Penutur iaitu Syamsul Debat berharap agar segala perkongsian tersebut dapat difahami dan dihadam oleh pendengar.

Di samping itu, pantun ini dapat memberi nilai kepada pendengar. Antaranya adalah peka. Pendengar perlu peka ketika mendengar ceramah agar segala ilmu yang dikongsi dapat diserap ke dalam minda dan hati.

Pantun 3 :

*Tenang-tenang air di laut,
Sampan kelok mudik ke tanjung,
Hati terkenang mulut menyebut,
Jasa baik pihak sekolah menjemput rasa nak junjung.*

Berdasarkan pantun 3 di atas, pantun ini untuk menunjukkan tema mengenai ucapan aluan pembuka bicara. Ceramah ini mempunyai durasi sepanjang 02:44 di TikTok. Pantun ini sering digunakan dalam kalangan masyarakat tetapi penutur mengubah maksud pantun ini bersesuaian dengan pembayangnya.

Selain itu, bentuk pantun 3 ini dapat dihuraikan dengan jumlah baris iaitu empat baris dalam satu rangkap. Dua baris pertama dalam pantun ini merupakan pembayang manakala dua baris berikutnya adalah maksud. Setiap baris mempunyai 4-8 suku kata sahaja. Rima pantun yang digunakan iaitu pengulangan bunyi yang sama pada akhir baris adalah a,b,a,b.

Di samping itu, pantun ini membawa maksud bahawa penutur mengenang jasa pihak sekolah kerana menjemput beliau memberikan ceramah. Penutur sangat menghargai pihak sekolah sehingga rasa ingin menjunjung jasa mereka.

Pantun ini juga dapat memberi nilai kepada pendengar. Antaranya adalah menghargai. Setiap jemputan yang diterima perlu diingati dan dijunjung untuk menunjukkan sikap menghargai antara manusia.

4.2.2 Puisi

Pada bahagian ini, terdapat satu puisi yang dipilih oleh pengkaji untuk dianalisis. Hal ini kerana pengkaji hanya menjumpai satu sahaja puisi yang diujarkan oleh Syamsul Debat.

Puisi 1 :

*Kekayaan paling besar adalah akal,
Kemiskinan paling besar adalah bodoh,
Keburukan yang paling buruk adalah terpesona dengan diri sendiri,
Dan semulia-mulia perbuatan adalah akhlak yg baik.*

Berdasarkan puisi 1 di atas, puisi ini menunjukkan tema mengenai akhlak manusia. Ceramah ini mempunyai durasi sepanjang 02:13 di Facebook.

Puisi 1 ini dapat diuraikan dengan jumlah baris iaitu empat baris dalam satu rangkap. Setiap baris mempunyai 5-8 suku kata sahaja. Setelah diteliti, pengkaji mendapati bahawa Syamsul Debat banyak menggunakan imbuhan apitan pada tiga baris pertama iaitu *ke-....-an*. Antara contoh imbuhan apitan tersebut adalah *kekayaan*, *kemiskinan*, dan *keburukan*.

Selain itu, puisi ini membawa maksud orang yang berakal sangat beruntung manakala orang yang bodoh sangat merugikan. Orang yang sering membangga diri akan menunjukkan akhlak yang buruk. Oleh hal yang demikian, perbuatan yang dituntut dalam Islam adalah mempunyai akhlak yang baik.

Di samping itu, puisi ini dapat memberi nilai kepada pendengar. Antaranya adalah berakhlak mulia. Pendengar perlu mengamalkan akhlak yang baik agar tidak menunjukkan kebodohan diri sendiri kepada orang lain.

4.2.3 Kiasan

Kiasan-kiasan ini dipilih secara rawak daripada senarai transkripsi kiasan yang dilakukan oleh pengkaji.

Kiasan 1 :

Pangkat makin tinggi, akal sihat semakin rendah.

Berdasarkan kiasan 1 di atas, kiasan ini menunjukkan tema mengenai adab bekerja. Ceramah ini mempunyai durasi sepanjang 26:29 di Facebook. Kiasan ini terdapat dalam ceramah Syamsul Debat yang bertajuk "*Pekerja Disayangi, Majikan Dihormati*".

Kiasan ini menjelaskan bahawa semakin tinggi pangkat seseorang, semakin kurang kesihatan akal. Hal ini dikatakan demikian kerana jawatan atau pangkat yang semakin tinggi akan menambah bebanan, tekanan minda, dan mewujudkan stres kepada pekerja.

Di samping itu, kiasan ini dapat memberi pengajaran kepada pendengar supaya bekerja mengikut tahap kemampuan diri. Gejala stres yang diterima akan menjadikan kesihatan akal atau mental semakin merosot.

Kiasan 2 :

Rumah makin besar, orang makin takda.

Berdasarkan kiasan 2 di atas, kiasan ini menunjukkan tema mengenai keluarga. Ceramah ini mempunyai durasi sepanjang 26:29 di Facebook. Kiasan ini terdapat dalam ceramah Syamsul Debat yang bertajuk “*Pekerja Disayangi, Majikan Dihormati*”.

Kiasan ini menjelaskan bahawa semakin besar rumah, semakin berkurang orang di dalamnya. Hal ini dikatakan demikian kerana ketua keluarga sering membina rumah besar untuk memberi keselesaan kepada anak-anak tetapi anak-anak akan melangkah keluar daripada rumah itu apabila mereka meningkat dewasa. Perkara ini berlaku kerana tugas dan tanggungjawab yang perlu dipenuhi seperti berumah tangga, belajar, dan bekerja di luar negeri.

Di samping itu, kiasan ini dapat memberi pengajaran kepada pendengar supaya mengeratkan hubungan keluarga. Hal ini dikatakan demikian kerana rumah yang besar semakin sunyi kerana sibuk dengan hal masing-masing.

Kiasan 3 :

Teknologi maklumat makin canggih, fitnah dan aib makin tersebar.

Berdasarkan kiasan 3 di atas, kiasan ini menunjukkan tema mengenai teknologi. Ceramah ini mempunyai durasi sepanjang 26:29 di Facebook. Kiasan ini terdapat dalam ceramah Syamsul Debat yang bertajuk “*Pekerja Disayangi, Majikan Dihormati*”.

Kiasan ini menjelaskan bahawa semakin tinggi kecanggihan teknologi maklumat, semakin bertambah fitnah dan aib. Hal ini dikatakan demikian kerana teknologi maklumat digunakan dengan meluas di seluruh dunia dan pelbagai fungsi yang terdapat dalam teknologi maklumat ini memberi ancaman kepada penyebaran fitnah dengan mudah.

Di samping itu, kiasan ini dapat memberi pengajaran kepada pendengar supaya sentiasa menjaga diri. Sebagai masyarakat yang hidup pada zaman serba canggih ini, mereka perlu sentiasa menjaga diri agar terhindar daripada fitnah dan aib dalam kemudahan teknologi maklumat.

4.2.4 Lagu

Lagu-lagu ini dipilih secara rawak daripada senarai transkripsi lagu yang dilakukan oleh pengkaji.

Lagu 1 :

Kenangan manis kau dan aku,

Takkan berkubur...

Berdasarkan lagu 1 di atas, lagu ini menunjukkan tema mengenai kehidupan dalam alam rumahtangga. Ceramah ini mempunyai durasi sepanjang 0:18 di Youtube. Lagu ini dinyanyikan pada minit ke 0:03. Tajuk bagi lagu ini ialah “*Sandarkan Pada Kenangan*”.

Selain itu, lagu ini merupakan nyanyian asal oleh Jamal Abdilah dan Siti Sarah. Karya lagu ini dihasilkan pada tahun 2003. Genre lagu ini adalah jenis pop dan berada dalam album Raja Pop. Tambahan pula, lagu ini sangat popular dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Di samping itu, lagu ini mempunyai nilai tertentu. Antaranya adalah kasih sayang. Kasih sayang yang wujud dalam kehidupan suami isteri akan mewujudkan kenangan yang manis dan indah. Oleh hal yang demikian, kenangan manis itu tidak mungkin dilupakan dalam kalangan suami isteri.

Lagu 2 :

Melepaskan mu,

Bukan mudah bagi ku untuk melalui semua ini....

Berdasarkan lagu 2 di atas, lagu ini menunjukkan tema mengenai kasih sayang. Ceramah ini mempunyai durasi sepanjang 0:11 di Facebook. Tajuk bagi lagu ini ialah “*Terakhir*”.

Selain itu, lagu ini merupakan nyanyian asal oleh Sufian Suhaimi. Karya lagu ini dihasilkan pada tahun 2016. Genre lagu ini adalah jenis balada dan berada dalam album *Terakhir*. Tambahan pula, lagu ini sangat popular dalam golongan belia di Malaysia.

Di samping itu, lagu ini mempunyai nilai tertentu. Antaranya adalah berwaspada. Setiap pasangan perlu berwaspada dalam menguruskan emosi. Hal ini dikatakan demikian kerana melepaskan seseorang yang disayangi adalah sangat sukar. Oleh hal yang demikian, pasangan suami isteri perlulah berfikir panjang sebelum bertindak untuk saling meninggalkan.

4.3 Perbincangan

Berdasarkan analisis dapatan kajian, dapatan kajian ini membincangkan mengenai kategori aspek bukan prosa yang terdapat dalam ceramah Syamsul Debat di media sosial. Bahagian dapatan ini akan memaparkan pengkategorian bagi penggunaan aspek bukan prosa iaitu pantun, puisi, kiasan, dan lagu. Dapatan kajian ini juga menghuraikan dan menganalisis aspek bukan prosa berdasarkan struktural.

Kebanyakan aspek bukan prosa ini mempunyai tema tersendiri iaitu ucapan terima kasih, pembuka dan penutup bicara, akhlak manusia, adab bekerja, keluarga, teknologi, kehidupan dalam alam rumah tangga, dan kasih sayang. Video-video ceramah yang digunakan berdurasi kurang daripada dua jam. Terdapat aspek bukan prosa yang sering digunakan oleh masyarakat sehingga kini tetapi diselitkan juga dalam ceramah beliau bagi memudahkan pendengar menghayati, mengingati dan mudah memahami aspek bukan prosa yang sering digunakan itu.

5. Rumusan dan Cadangan

Analisis keseluruhan bagi bab 4 dalam kajian ini telah memberikan jalan penyelesaian kepada pengkaji. Pengkaji juga berharap agar kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada bidang linguistik terutamanya dalam bidang morfologi. Selain itu, ilmu mengenai aspek bukan prosa sangat membantu pengkaji dalam mengenal pasti penggunaan aspek bukan prosa dalam ceramah Syamsul Debat. Kajian mengenai tajuk ini dapat diperluaskan lagi oleh pengkaji akan datang dengan mengkaji aspek bukan prosa dalam ceramah yang diujarkan oleh penceramah lain di Malaysia. Oleh hal yang demikian, hasil kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan aspek bukan prosa ini dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat. Penggunaan aspek bukan prosa ini jelas menunjukkan mengenai keterserlahan Syamsul Debat dalam meletakkan karya bukan prosa ini sebagai kandungan ceramah beliau.

Rujukan

- Alia Wan Mohd Muzani & Nurul Jamilah Rosly. (2021). Bahasa Kiasan dalam Lirik Lagu Nyanyian Dato' Sri Siti Nurhaliza. *International Young Scholars Journal Of Languages*. Volume 1.
- Alias Md. Zain. (2000). Puisi-Puisi Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank: Kajian Gaya Bahasa. Universiti Putra Malaysia.
- Allya Cassandra Alim, Alfred Chan Huan Zhi, Ferlis bin Bullare @ Bahari, Chua Bee Seok, Jasmine Adela Mutang & Lailawati Madlan. (2014). Fenomena Ketagihan Facebook dan Keengganan Berkomunikasi secara Bersemuka dalam kalangan Remaja. *Journal Of Sciences And Humanities*.
- Arba'ie bin Sujud. (1999). Estetika dalam Lirik Lagu-Lagu Nyanyian P. Ramlee. Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Bahasa*.
- Dewi Hj Samri. (2022). Pengaplikasian Teori Retorik Moden dalam Penyampaian Ceramah Ustaz Kazim Elias. *Jurnal Bahasa*.
- Dk. Hajah Armah Pgn. (1996). Satu Perbandingan antara Pendekatan Struktural dengan Pendekatan Stilistik dari Aspek Watak dan Perwatakan.
- Islyas Mahyudin. (2011). Morfologi Kata Kerja Bahasa Melayu Pattani.
- Ismail Ahmed & Ab Samad Kechot. (2015). Lagu Melayu Asli: Unsur Sinkretisme dalam Instrumentasi Persembahan. *Jurnal Melayu*. 1675-7513.
- Lokman Abdul Samad & Asmiaty Amat. (2018). Pantun, Kata dan Bunyi Membentuk Makna. Universiti Malaysia Sabah.
- Masitah binti Mad Daud. (2017). Pemikiran dalam Lirik Lagu: Satu Analisis Makna (Thought in Lyrics: The Analysis of Meaning). *Journal of Education and Social Sciences*. Vol. 6.
- Muhammad Qayyum bin Khaidir. (2022). Dakwah Melalui Media (Aplikasi Tiktok).

- Nik Fazli Mohamad & Samsina Abd Rahman (2015). Puisi-Puisi Melayu Tradisional dalam Drama Bukan Lalang Ditiup Angin (1970) karya Noordin Hassan. *Journal of Business and Social Development*.
- Norhazlina Abd. Hamid, Abdul Malek Abdul Rahman, Ahmad Fauzi Mohd Ayub & Wan Marzuki Wan Jaafar. (2012). Ketagihan Facebook dalam Kalangan Pelajar Sekolah. *Jurnal Bitara*. Vol. 5.
- Norida Berhan. (2012). Retorik Ceramah : Satu Analisis Retorik Gaya Bahasa.
- Nuredayu Omar, Zauridah Abdul Hamid, Zuraisah Abu Talib & Salina Ismail. (2020). Kredibiliti dan Daya Tarikan Daie dalam Meningkatkan Kesedaran Akhlak Pelajar: Youtube sebagai Satu Medium. *Asian People Journal*.
- Raja Noraina Raja Rahim. (2017). Harian Metro. USIM Iktiraf Sumbangan Syamsul Debat.
- Riduan Makhtar, Nurliyana SM Soflee, Mohd Sharifudin Yusop & Abd Ganing Laenggang. (2018). Pengaruh Dialek Kelantan dalam Bahasa Temiar : Satu Analisis Fonologi Struktural. *International Journal of Education*.
- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilization*.
- Siti Norsyahida Mohd Rashid, Nor Azuwan Yaakob & Che Ibrahim Salleh. (2015). Penggunaan Bahasa dalam Laman Blog dari Aspek Morfologi. *Journal of Business and Social Development*.
- Tan Choon Keong Carol Binti Abu. (2013). Pengaplikasian Video Youtube : Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.
- Wong Shia Ho & Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Bahasa Kiasan Dalam Lagu “Mati Hidup Semula”: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa*.
[https://doi.org/10.37052/jb.19\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/jb.19(2)no3).
- Zurina Abdullah, Farah Nur-Rashidah Rosnan & Ahmad Nazeer Zainal Ariffin. (2017). Analisis Morfologi dalam Syair Perahu.